

ADAT MELENGGANG PERUT DALAM MASYARAKAT MELAYU KELANTAN: ANALISIS DARI PERSPEKTIF SYARAK

THE MELENGGANG PERUT CUSTOM IN THE KELANTAN MALAY COMMUNITY: AN ANALYSIS FROM THE SHARIAH PERSPECTIVE

Mohamad Irfan Salleh^a

^a Publishing Officer, Kelantan Islamic Religious and Malay Customs Council (MAIK)
(e-mail: irfan@e-maik.my)

**Corresponding Author*

Article history

Received date : 21-6-2026
Revised date : 27-6-2026
Accepted date : 10-7-2026
Published date : 31-7-2026

To cite this document:

Salleh, M.I. (2026). Adat melenggang perut dalam masyarakat Melayu Kelantan: Analisis dari perspektif syarak. *Islamic Journal Of Cultural Studies (IJCS)*, 2(2), 117-130.

Abstrak: Masyarakat Melayu Kelantan mempunyai pelbagai adat yang berkait dengan fasa kehamilan dan diwarisi secara turun-temurun seperti adat melenggang perut. Adat ini terbentuk hasil pengalaman masyarakat dalam menjaga keselamatan ibu dan bayi, di samping dipengaruhi oleh unsur kepercayaan tradisional yang berkembang dalam kehidupan masyarakat. Adat Melenggang Perut lazimnya melibatkan pelbagai bentuk upacara dan amalan yang dilaksanakan ketika kehamilan bagi tujuan memelihara keselamatan ibu hamil. Walau bagaimanapun, sebahagian daripada amalan dalam adat tersebut mengandungi unsur kepercayaan yang memerlukan penelitian dari sudut hukum syarak. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan meneliti adat melenggang perut dalam masyarakat Melayu Kelantan serta menilai kesesuaiannya menurut perspektif syarak. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis dokumen terhadap sumber-sumber yang membincangkan adat masyarakat Melayu Kelantan, di samping merujuk kepada literatur fiqh dan pandangan para ulama. Setiap amalan dalam adat melenggang perut dianalisis bagi menentukan sama ada ia selari dengan konsep 'urf sahih atau termasuk dalam kategori 'urffasid menurut kerangka Islam. Hasil kajian menunjukkan bahawa adat tersebut mempunyai tujuan yang baik seperti menjaga kesejahteraan ibu hamil dan memohon keselamatan sepanjang tempoh kehamilan. Namun demikian, terdapat juga amalan tertentu yang bercampur dengan unsur kepercayaan yang tidak selari dengan ajaran Islam. Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar unsur adat yang selari dengan syarak dikekalkan, manakala unsur-unsur yang bercanggah dengan prinsip Islam perlu

diperbetulkan atau ditinggalkan bagi memastikan amalan masyarakat terus selaras dengan tuntutan syarak.

Kata Kunci: *Adat Melayu; Melenggang perut; Kehamilan; Kelantan; Perspektif syarak.*

Abstract: *The Kelantan Malay community possesses various customs associated with the stages of pregnancy that have been passed down from generation to generation, one of which is the Melenggang Perut custom. This custom evolved from the community's accumulated experience in safeguarding the well-being of pregnant women and their unborn children, while also being influenced by traditional beliefs that developed within the local society. The Melenggang Perut custom generally involves a series of rituals and practices performed during pregnancy with the intention of ensuring the safety and well-being of the expectant mother. Nevertheless, some of these practices contain elements of traditional belief that warrant careful examination from the perspective of Islamic law (Shariah). Accordingly, this study aims to examine the Melenggang Perut custom as practised within the Kelantan Malay community and to evaluate its compatibility with the principles of Shariah. The study adopts a qualitative approach through document analysis of sources discussing the customs of the Kelantan Malays, supplemented by references to classical and contemporary fiqh literature as well as the views of Muslim scholars. Each practice associated with the Melenggang Perut custom is analysed to determine whether it conforms to the concept of 'urf ṣaḥīḥ (valid custom) or falls within the category of 'urf fāsid (invalid custom) according to the Islamic legal framework. The findings indicate that the custom serves commendable objectives, such as safeguarding the well-being of pregnant women and seeking protection throughout pregnancy. However, certain practices are intertwined with beliefs that are inconsistent with Islamic teachings. Therefore, this study recommends that customary elements which are compatible with Shariah should be preserved, while practices that contradict Islamic principles should be corrected or abandoned to ensure that the customs of the community remain in accordance with the teachings of Islam.*

Keywords: *Malay customs; Melenggang Perut; Pregnancy, Kelantan, Shariah perspective.*

PENDAHULUAN

Adat merupakan sebahagian daripada warisan budaya masyarakat yang mencerminkan kepercayaan dan cara hidup sesuatu bangsa. Dalam konteks masyarakat Melayu, adat berperanan sebagai medium sosial yang memperkukuh hubungan kekeluargaan dan semangat kebersamaan dalam kehidupan bermasyarakat. Walau bagaimanapun, Islam sebagai agama yang syumul menetapkan bahawa sesuatu adat tidak diterima atau ditolak secara mutlak. Sebaliknya, kedudukan sesuatu amalan perlu dinilai berdasarkan prinsip syarak bagi memastikan adat tersebut selaras dengan tuntutan agama.

Antara adat yang masih diamalkan dalam tradisi masyarakat Melayu adalah adat Melenggang Perut, khususnya dalam masyarakat Melayu Kelantan. Amalan ini lazimnya dikaitkan dengan wanita hamil apabila kandungan mencapai tempoh tertentu sebagai persediaan menghadapi kelahiran. Pelaksanaannya melibatkan pelbagai elemen, termasuk doa, solat hajat, kenduri,

peranan bidan, penggunaan bahan tumbuhan, bacaan tertentu dan beberapa ritual tradisional yang lain.

Walau bagaimanapun, adat Melenggang Perut dilihat mengandungi beberapa komponen yang memerlukan penilaian dari sudut hukum syarak. Terdapat unsur yang bertepatan dengan ajaran Islam dan sebahagian amalan lain perlu dianalisis secara kritikal apabila melibatkan unsur khurafat, penggunaan jampi atau mantera yang tidak difahami, amalan tilikan, kepercayaan terhadap objek tertentu serta perlakuan yang berpotensi menjejaskan maruah ibu hamil.

Penilaian ini penting untuk menentukan unsur adat yang boleh diterima sebagai *'urf sahih* serta membezakannya daripada unsur yang dikategorikan sebagai *'urf fasid* yang perlu ditinggalkan. Pendekatan ini membolehkan adat Melenggang Perut dianalisis dalam kerangka pemurnian syariat, sekali gus memastikan adat tersebut kekal selari dengan hukum syarak.

KONSEP ADAT MENURUT ISLAM

Perbincangan tentang adat dalam Islam berkait rapat dengan konsep *al-‘Ādah* dan *al-‘Urf*, iaitu kebiasaan yang berlaku secara berulang dalam kehidupan masyarakat sehingga diterima sebagai amalan yang difahami dan diakui bersama. Dalam perbahasan fiqh, adat mempunyai kedudukan yang signifikan kerana boleh dijadikan asas pertimbangan hukum dalam situasi tertentu, terutamanya dalam perkara yang tidak dihuraikan secara terperinci oleh nas syarak. Hal ini dirumuskan oleh para fuqaha melalui kaedah fiqh yang masyhur “*العَادَةُ مُحْكَمَةٌ*” yang membawa maksud “adat kebiasaan boleh dijadikan asas pertimbangan hukum”.

Kedudukan adat sebagai asas pertimbangan hukum bagaimanapun tidak bersifat mutlak. Al-Suyuti antara lain menjelaskan bahawa adat dan *'urf* dirujuk dalam pelbagai persoalan fiqh, khususnya dalam perkara yang tidak ditentukan kadarnya secara jelas oleh syarak. Antaranya termasuk penentuan kadar sedikit dan banyak, tempoh masa tertentu, bentuk perbuatan yang membatalkan solat serta pelbagai urusan muamalat dan kebiasaan masyarakat (al-Suyūṭī, 1990). Penjelasan ini menunjukkan bahawa adat berfungsi sebagai mekanisme pelaksanaan dan penyesuaian hukum dalam perkara-perkara yang tidak diperincikan secara khusus oleh nas syarak.

Dari sudut takrifan, adat merujuk kepada sesuatu yang berlaku secara berulang sehingga menjadi kebiasaan dalam kehidupan masyarakat. Ibn Nujaym menjelaskan bahawa adat adalah perkara yang menetap dalam jiwa hasil daripada pengulangan serta diterima oleh tabiat manusia yang sejahtera. Beliau turut menghuraikan bahawa adat atau *'urf* boleh dibahagikan kepada beberapa bentuk, iaitu *'urf* umum, khusus dan syar‘i, seperti penggunaan istilah solat, zakat dan haji yang berpindah daripada makna bahasa kepada makna syarak (Ibn Nujaym, 1999).

Asas pengiktirafan adat dalam Islam turut dapat difahami melalui penggunaan lafaz *al-Ma‘rūf* dalam al-Quran, sebagaimana firman-Nya:

وَلَهُنَّ مِثْلُ الَّذِي عَلَمْنَ بِالْمَعْرُوفِ

Maksudnya: “Dan para wanita mempunyai hak yang seimbang dengan kewajipannya menurut cara yang makruf.”

(Al-Baqarah, 2:228)

Al-Qurtubi menjelaskan bahawa ayat ini merangkumi seluruh hak-hak perkahwinan, termasuk hak isteri untuk mendapat layanan yang baik dan pergaulan secara makruf daripada suami, sebagaimana suami juga mempunyai hak ke atas isteri dalam perkara yang diwajibkan syarak, di samping kewajipan kedua-dua pihak untuk tidak saling memudaratkan (Al-Qurtubī, 1964). Ini menunjukkan bahawa syarak mengambil kira ukuran kebaikan yang difahami dalam kehidupan masyarakat selagi tidak bertentangan dengan tuntutan agama.

Pengiktirafan adat juga dapat dilihat dalam hadis Hind binti ‘Utbah RA. Beliau mengadu kepada Rasulullah SAW bahawa suaminya tidak memberikan nafkah yang mencukupi. Maka Rasulullah SAW bersabda:

خُذِي مَا يَكْفِيكِ وَوَلَدَكَ بِالْمَعْرُوفِ

Maksudnya: “Ambillah sekadar yang mencukupimu dan anakmu menurut cara yang makruf.”

(al-Bukhārī, 5364)

Hadis ini memperlihatkan bahawa penentuan kadar nafkah tidak ditetapkan secara rigid oleh syarak, bahkan mengambil kira pertimbangan adat dan realiti semasa, termasuk kemampuan suami serta keperluan isteri dan anak-anak.

Walau bagaimanapun, para ulama meletakkan syarat yang jelas dalam menerima adat sebagai hujah. Adat mestilah tidak bercanggah dengan nas syarak, tidak menghalalkan perkara yang haram, tidak mengharamkan perkara yang halal serta tidak membatalkan kewajipan agama. Ibn ‘Ābidīn menegaskan bahawa ‘urf tidak boleh diterima sekiranya percanggahannya dengan dalil syarak membawa kepada peninggalan nas secara keseluruhan. Sebaliknya, ‘urf masih boleh dipertimbangkan apabila ia tidak menolak nas secara mutlak, sebaliknya hanya mentakhsiskan dalil yang umum atau menjadi asas untuk meninggalkan qiyas, khususnya apabila ‘urf tersebut bersifat umum dan meluas dalam masyarakat (Ibn ‘Ābidīn, 1907).

Selain itu, adat yang diambil kira mestilah adat yang berlaku secara meluas atau dominan, bukan amalan ganjil dan terpencil. Al-Suyutī menyebut kaedah (al-Suyūtī, 1990):

إِنَّمَا تُعْتَبَرُ الْعَادَةُ إِذَا اطَّرَدَتْ فَإِنْ اضْطَرَبَتْ فَلَا

Maksudnya: “Adat hanya diambil kira apabila ia berlaku secara berterusan; jika ia tidak tetap, maka ia tidak diambil kira.”

Kaedah ini menegaskan bahawa adat yang sah dijadikan sandaran hukum adalah adat yang benar-benar hidup dalam masyarakat dan mempunyai kestabilan amalan. Berdasarkan prinsip-prinsip ini, adat yang sahih adalah adat yang diterima oleh masyarakat dan tidak bercanggah dengan akidah serta hukum syarak. Sebaliknya, adat yang mengandungi unsur syirik, khurafat, tahayul, kezaliman atau pembaziran melampau termasuk dalam kategori adat fasid yang perlu ditolak. Oleh itu, Islam tidak menolak adat secara mutlak dan tidak pula menerimanya secara mutlak. Penilaian terhadap adat mesti dilakukan secara teliti dengan membezakan antara unsur budaya yang harus dikekalkan dan unsur kepercayaan yang perlu dimurnikan.

Justeru, kerangka ini amat penting dalam konteks kajian terhadap adat melenggang perut masyarakat Melayu Kelantan. Amalan yang berbentuk doa, nasihat, sedekah, kenduri

kesyukuran dan pengukuhan silaturahim boleh diterima sekiranya bebas daripada unsur yang bertentangan syarak. Namun, unsur yang melibatkan kepercayaan mistik, ritual tolak bala yang tidak bersandarkan dalil atau pergantungan kepada kuasa selain Allah perlu ditolak. Dengan itu, pendekatan Islam terhadap adat dapat difahami sebagai suatu proses pemurnian yang mengekalkan unsur-unsur yang selari dengan syarak serta menolak amalan yang bertentangan dengan prinsip tauhid dan ketetapan syarak.

PENILAIAN SYARAK TERHADAP KOMPONEN AMALAN MELENGGANG PERUT MASYARAKAT MELAYU KELANTAN

1.1 Aspek-aspek yang Selari dengan Syarak

1.1.1 Solat hajat dan doa memohon keselamatan ibu serta bayi

Antara unsur yang diterima dalam adat melenggang perut termasuklah amalan berdoa dan pelaksanaan solat hajat bagi memohon keselamatan ibu serta bayi kepada Allah SWT. Dalam konteks amalan masyarakat Kelantan, solat hajat lazimnya diadakan terlebih dahulu sebelum upacara melenggang perut, khususnya apabila kandungan mencecah usia tujuh bulan sebagai ikhtiar memohon keselamatan ibu serta kemudahan ketika proses bersalin (Mohd Zawawi, 2005).

Dari perspektif syarak, berdoa kepada Allah SWT dalam keadaan hamil adalah selari dengan prinsip tauhid dan tawakkal. Islam mengajar manusia memohon perlindungan dan pertolongan hanya kepada Allah, bukan kepada makhluk ghaib, roh, semangat atau objek tertentu. Hal ini dipertegaskan oleh Allah SWT sebagaimana firman-Nya:

وَقَالَ رَبُّكُمْ ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ
دَاخِرِينَ

Maksudnya: “Dan Tuhan kamu berfirman: “Berdoalah kamu kepada-Ku nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang-orang yang sombong takbur daripada beribadat dan berdoa kepada-Ku, akan masuk neraka Jahannam dalam keadaan hina.”

(Ghāfir, 40:60)

Oleh itu, solat hajat dan doa selamat dalam konteks ini boleh dikategorikan sebagai ‘urf sahih, dengan syarat ia tidak dianggap sebagai kewajipan khusus yang ditetapkan syarak pada bulan ketujuh dan tidak disertai kepercayaan bahawa tanpa majlis tersebut pasti berlaku kemudharatan.

1.1.2 Menempah bidan

Dalam sebahagian amalan adat melenggang perut, terdapat unsur upacara menempah bidan atau mendapatkan khidmat penjagaan pranal yang berperanan membantu ibu hamil sebelum dan selepas bersalin. Hal ini demikian kerana beberapa kajian menunjukkan bahawa dalam tradisi perbidanan Melayu, upacara melenggang perut mempunyai kaitan rapat dengan pembentukan hubungan antara keluarga ibu hamil dan bidan, termasuk sebagai persediaan bagi penjagaan selepas kelahiran (Rashidi et al., 2022).

Dalam konteks masyarakat Kelantan, tanggungjawab menjemput bidan lazimnya dipikul oleh ibu bapa atau suami wanita yang mengandung kerana mereka dianggap sebagai pihak yang paling berhak berbuat demikian. Tindakan pihak lain mengambil peranan tersebut pula dianggap kurang sesuai dan bercanggah dengan adat kebiasaan masyarakat (Baharin et al., 2016).

Dari perspektif syarak, mendapatkan bantuan orang yang berpengalaman dalam penjagaan ibu hamil adalah diharuskan, bahkan boleh termasuk dalam tuntutan ikhtiar menjaga nyawa dan kesihatan. Rasulullah SAW menjelaskan bahawa Allah SWT tidak menurunkan sesuatu penyakit melainkan Dia juga menurunkan penawar baginya. Prinsip ini menjadi asas umum kepada keharusan mendapatkan rawatan dan melakukan ikhtiar dalam penjagaan kesihatan, sebagaimana sabda Baginda SAW:

مَا أُنْزِلَ اللَّهُ دَاءً إِلَّا أَنْزَلَ لَهُ شِفَاءً

Maksudnya: “Allah tidak menurunkan sesuatu penyakit melainkan Dia juga menurunkan penawarnya.”

(al-Bukhārī, 5678)

Prinsip ini juga bertepatan dengan maqasid *hifz al-Nafs*, iaitu menjaga nyawa dan keselamatan ibu serta bayi. Namun, keharusan tersebut bergantung kepada cara pelaksanaan. Khidmat bidan menjadi selari dengan syarak apabila ia bersifat bantuan penjagaan tubuh, nasihat pengalaman, urutan yang tidak memudaratkan serta tidak melibatkan pendedahan aurat tanpa keperluan, sentuhan yang melanggar batas, jampi syirik atau dakwaan mengetahui perkara ghaib.

1.1.3 Penggunaan bahan tumbuhan sebagai ikhtiar penjagaan fizikal

Antara unsur dalam melenggang perut adalah penggunaan bahan tumbuhan seperti limau, sintok, kelapa, minyak kelapa dan air tertentu. Kajian etnobotani terhadap upacara melenggang perut mendapati bahawa bahan tumbuhan digunakan dalam pelbagai bentuk ritual dan rawatan tradisional Melayu, walaupun jenis bahan dan cara penggunaannya berbeza mengikut tempat (Razanah et al., 2022).

Dalam konteks masyarakat Kelantan, penggunaan pelbagai jenis tumbuhan turut diamalkan dalam pelaksanaan adat melenggang perut, termasuk pokok sinai, delima, cekur manis, cekur hitam, pokok semalu, serapat, tunjang bumi, pokok kenanga, kemayan, sepang kederang, kempoyang, sedudok, semeru dan akar larak (Rashidi Othman et al., 2022).

Dari sudut hukum asal, penggunaan bahan sebagaimana yang diamalkan oleh masyarakat Kelantan adalah harus kerana ia termasuk dalam ruang lingkup adat dan muamalat, bukan ibadah khusus. Hal ini bertepatan dengan kaedah fiqh *al-Aṣl fī al-Ashyā’ al-Ibāḥah* yang bermaksud bahawa hukum asal bagi sesuatu perkara adalah harus selagi tidak terdapat dalil yang menunjukkan pengharamannya. Walau bagaimanapun, kaedah ini tidak bersifat mutlak. Sekiranya bahan atau cara penggunaannya membawa kemudaratkan, maka ia tertakluk kepada larangan berdasarkan prinsip *lā Ḍarar wa lā Ḍirār* (Tiada mudarat dan tidak boleh memudaratkan orang lain)

Oleh itu, penggunaan bahan berasaskan tumbuhan boleh diterima sekiranya difahami sebagai suatu bentuk ikhtiar dalam penjagaan fizikal, kebersihan, kesegaran atau rawatan tradisional yang tidak memudaratkan. Namun demikian, amalan tersebut menjadi bermasalah apabila bahan berkenaan dipercayai mempunyai kuasa ghaib secara tersendiri, mampu menghalau makhluk halus secara mistik atau dianggap sebagai syarat mutlak bagi keselamatan ibu dan bayi. Dalam konteks ini, keadaan pertama dikategorikan sebagai *'urf sahih*, manakala keadaan kedua tergolong sebagai *'urf fasid* kerana mengandungi unsur kepercayaan yang bercanggah dengan akidah.

1.1.4 Bacaan doa, ayat al-Quran atau ruqyah

Sebahagian amalan penjagaan ibu hamil dalam tradisi masyarakat Melayu di Kelantan melibatkan bacaan tertentu, termasuk doa, ayat-ayat al-Quran, selawat serta penggunaan air yang dibacakan doa. Dalam konteks adat melenggang perut, turut terdapat amalan seperti penggunaan air selusuh dan bacaan-bacaan tertentu sebagai sebahagian daripada persediaan menghadapi proses kelahiran (Baharin et al., 2016).

Dari perspektif syarak, amalan ruqyah atau bacaan doa adalah dibenarkan selagi memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Hal ini berasaskan riwayat yang menunjukkan bahawa Rasulullah SAW membenarkan ruqyah yang diamalkan oleh para sahabat pada zaman jahiliah selama mana ia tidak mengandungi unsur syirik, sebagaimana sabda Baginda SAW:

اغْرِضُوا عَلَى رُقَاكُمْ لَا بَأْسَ بِالرُّقَى مَا لَمْ يَكُنْ فِيهِ شِرْكٌ

Maksudnya: *“Bentangkanlah kepadaku ruqyah-ruqyah kamu. Tidak mengapa melakukan ruqyah selagi tidak terdapat padanya unsur syirik.”*

(Muslim, 2200)

Justeru, penentuan status amalan ini bergantung kepada kandungan bacaan dan asas kepercayaannya. Bacaan yang berteraskan ayat al-Quran, berselawat, doa yang difahami dan zikir yang sahih serta berlandaskan keyakinan kepada Allah SWT diklasifikasikan sebagai *'urf sahih*. Sebaliknya, penggunaan mantera yang mengandungi unsur pemujaan atau pergantungan kepada kuasa selain Allah menempatkan amalan tersebut dalam kategori *'urf fasid*.

1.2 Aspek-aspek yang Bertentangan dengan Syarak

1.2.1 Pemilihan hari atau tarikh tertentu atas kepercayaan tuah dan sial

Sebahagian catatan tentang melenggang perut menyebut bahawa upacara ini dilakukan pada hari tertentu seperti Rabu atau Khamis dan pada tanggal 19, 21 atau 23 haribulan Islam (Machita, 1993). Manakala dalam masyarakat Kelantan, amalan melenggang perut lazimnya dianggap lebih afdal dilakukan antara tanggal 15 haribulan hingga penghujung bulan Islam, iaitu ketika fasa bulan semakin menurun (Baharin et al., 2016).

Dari perspektif syarak, penentuan hari tertentu atas dasar faktor praktikal seperti kesesuaian masa keluarga dan ketersediaan bidan adalah dibenarkan. Sebaliknya, kepercayaan bahawa hari atau tarikh tertentu mempunyai kuasa intrinsik untuk mendatangkan keberuntungan atau menolak musibah menimbulkan isu akidah, kerana ia bercanggah dengan konsep tauhid yang menegaskan bahawa segala manfaat dan mudarat hanya datang daripada Allah SWT. Islam

menolak kepercayaan terhadap unsur kesialan atau petanda buruk yang tidak berasaskan dalil syarak, sebagaimana ditegaskan oleh Rasulullah SAW yang menafikan konsep *tiyarah*, *Safar* dan *hamah*, melalui sabda Baginda SAW:

لَا عَدْوَى وَلَا طِيْرَةَ، وَلَا هَامَةَ وَلَا صَفَرَ

Maksudnya: “Tiada penyakit berjangkit (dengan sendirinya), tiada kepercayaan sial (*tiyarah*), tiada (kepercayaan tentang) burung hantu (*hamah*), dan tiada (kesialan pada bulan) *Safar*.”

(al-Bukhārī, 5707)

Hadis ini secara jelas menunjukkan bahawa Islam menolak kepercayaan terhadap kesialan dan ramalan yang tidak berasaskan wahyu serta menuntut umat Islam agar bergantung sepenuhnya kepada Allah SWT. Oleh itu, penerapan kaedah *al-Umūr bi Maqāsidihā* menunjukkan bahawa hukum pemilihan hari bergantung kepada niat dan kepercayaan yang melatarbelakanginya. Pemilihan yang berasaskan faktor praktikal adalah dibenarkan, manakala pemilihan yang disandarkan kepada kepercayaan terhadap kuasa ghaib menjadikan amalan tersebut sebagai *‘urf fasid* dari sudut syarak.

1.2.2 Jampi, mantera dan seruan kepada makhluk halus

Antara unsur yang paling bermasalah dalam sebahagian amalan melenggang perut adalah penggunaan jampi atau mantera oleh bidan. Dalam adat masyarakat Melayu di Kelantan, proses melenggang perut lazimnya dimulakan dengan ibu hamil berbaring dalam keadaan terlentang. Seterusnya, bidan akan menyapu bahagian perut sambil membaca jampi atau mantera tertentu. Selain itu, benang yang telah dipintal akan diikat dengan kemas pada bahagian perut ibu hamil, manakala sebiji kelapa yang telah dibuang sabutnya akan digulingkan bersama tepung tawar di atas perut tersebut (Baharin et al., 2016).

Dalam Islam, amalan ruqyah dibenarkan dengan syarat ia bebas daripada unsur syirik. Hal ini sebagaimana dijelaskan oleh Rasulullah SAW bahawa ruqyah diharuskan selagi tidak mengandungi unsur syirik, sebagaimana yang dinyatakan dalam hadis sebelum ini. Oleh itu, ruqyah yang mengandungi unsur seperti penyebutan nama jin, lafaz yang tidak difahami, amalan pemujaan atau pergantungan kepada makhluk ghaib adalah dilarang dalam Islam. Sehubungan itu, al-Quran turut mencela perbuatan manusia yang meminta perlindungan daripada jin, sebagaimana firman-Nya

وَأَنَّهُ كَانَ رِجَالٌ مِّنَ الْإِنسِ يَعُوذُونَ بِرِجَالٍ مِّنَ الْجِنِّ فَزَادُوهُمْ رَهَقًا

Maksudnya: “Dan bahawa sesungguhnya adalah (amat salah perbuatan) beberapa orang dari manusia, menjaga dan melindungi dirinya dengan meminta pertolongan kepada ketua-ketua golongan jin, kerana dengan permintaan itu mereka menjadikan golongan jin bertambah sombong dan jahat.”

(al-Jinn 72:6)

Oleh itu, penggunaan jampi atau mantera dalam adat melenggang perut perlu dinilai berdasarkan kandungan dan asas kepercayaannya. Sekiranya ia berupa doa kepada Allah SWT

dengan lafaz yang baik serta difahami maknanya, maka amalan tersebut boleh diterima. Sebaliknya, apabila ia mengandungi seruan kepada jin, semangat, roh nenek moyang atau pergantungan kepada kuasa ghaib selain Allah, maka ia tergolong dalam ‘urf fasid serta berpotensi membawa kepada unsur syirik.

1.2.3 Penggunaan objek sebagai penolak bala atau pelindung ghaib

Dalam pelaksanaan adat melenggang perut, terdapat penggunaan pelbagai peralatan yang berfungsi sebagai kelengkapan upacara, termasuk kain tujuh helai, beras dan beras kunyit, bahan tepung tawar, limau, sintuk, minyak kelapa, kelapa, lilin, benang merah serta tepak sirih (Anis Mardiana, 2015).

Manakala dalam kalangan masyarakat Melayu Kelantan, penggunaan sebiji kelapa untuk dibuat minyak selusuh, beras kunyit, benang, satu piring pulut semangat dan tiga helai kain sarung perempuan. Bahan ini digunakan untuk menghindarkan daripada terkena “sabit” atau kecacatan. Demikian juga penggunaan tepung tawar turut dilaksanakan dalam adat melenggang perut di Pasir Puteh, iaitu dengan mencalitkannya pada dahi individu yang berada berhampiran ibu hamil ketika bidan menjalankan upacara tersebut. Amalan ini dipercayai bertujuan untuk melindungi daripada gangguan syaitan dan iblis (Baharin et al., 2016).

Pada sudut hukum asal, objek-objek tersebut tidak diharamkan pada zatnya. Bahan seperti kain, beras, limau, minyak dan lain-lain merupakan perkara yang harus digunakan. Namun demikian, penggunaannya menjadi bermasalah apabila dikaitkan dengan kepercayaan bahawa objek-objek tersebut mempunyai kuasa ghaib untuk menolak bala, menghalau makhluk halus, menyelamatkan kandungan daripada kecacatan atau dianggap sebagai syarat mistik bagi keselamatan ibu dan bayi. Hal ini secara jelas dilarang oleh syarak sebagaimana firman-Nya:

وَلَا تَدْعُ مِنْ دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَنْفَعُكَ وَلَا يَضُرُّكَ ۚ فَإِنْ فَعَلْتَ فَإِنَّكَ إِذَا مِنْ الظَّالِمِينَ

Maksudnya: “Dan janganlah engkau (wahai Muhammad) menyembah atau memuja yang lain dari Allah, yang tidak dapat mendatangkan manfaat kepadamu dan juga tidak dapat mendatangkan mudarat kepadamu. Oleh itu, sekiranya engkau mengerjakan yang demikian, maka pada saat itu menjadilah engkau dari orang-orang yang berlaku zalim (terhadap diri sendiri dengan perbuatan syirik itu).”

(Yunus 10:106)

Sehubungan itu, penggunaan peralatan dalam adat melenggang perut perlu dibezakan antara fungsi adat yang bersifat praktikal dan kepercayaan yang bersifat mistik. Sekiranya peralatan tersebut digunakan untuk tujuan biasa seperti kain sebagai alas, limau untuk mandian, atau pemberian wang sebagai upah, maka hukumnya adalah harus. Sebaliknya, apabila objek-objek tersebut dianggap sebagai azimat, pengeras mistik atau pelindung yang mempunyai kuasa ghaib, maka amalan tersebut tergolong dalam ‘urf fasid kerana bercanggah dengan prinsip akidah.

1.2.4 Mandi sintuk limau dan air buyung

Sebahagian ritual dalam adat melenggang perut melibatkan amalan mandi menggunakan air tertentu seperti air limau, sintuk atau campuran bahan tumbuhan lain, yang dilakukan selepas

proses melenggang kain dan urutan (Anis Mardiana, 2015). Dalam konteks masyarakat Melayu Kelantan, amalan mandi ini turut disertai dengan adat tertentu. Antaranya termasuk meletakkan sebiji telur di bahagian perut ibu hamil ketika kain basahan dipakaikan. Kemudian, air buyung akan dijiatkan pada kaki si ibu serta dijatuhkan telur tersebut dengan cara yang seolah-olah tidak disengajakan. Seterusnya, bidan akan menjirkan air mandian dari kepala hingga ke kaki, yang dipercayai dapat memudahkan proses kelahiran (Baharin et al., 2016).

Selepas itu, wanita tersebut disarankan untuk melihat dirinya di cermin dengan harapan agar anak yang bakal dilahirkan memiliki rupa paras yang baik. Selain itu, bidan juga akan membacakan jampi tertentu serta menyampaikan pesanan kepada makhluk yang dipercayai sebagai “hantu meroyan tujuh beradik” agar tidak mengganggu ibu tersebut (Baharin et al., 2016).

Pada perspektif syarak, mandi yang bertujuan menjaga kebersihan atau sebagai rawatan tradisional adalah dibenarkan. Walau bagaimanapun, apabila amalan tersebut dikaitkan dengan kepercayaan terhadap kuasa mistik untuk menghapuskan kesialan atau gangguan ghaib, ia tergolong dalam unsur khurafat. Dalam konteks ini, amalan mandi sintuk dan air buyung, khususnya dalam tradisi masyarakat Melayu Kelantan, boleh diklasifikasikan sebagai ‘urf fasid apabila disertai dengan kepercayaan tersebut.

1.2.5 Menggolek kelapa atau telur untuk menentukan jantina bayi

Antara unsur yang sering menjadi perhatian kritikal dalam adat melenggang perut adalah amalan menggolekkan kelapa atau telur bagi menentukan jantina bayi. Dalam konteks masyarakat Melayu Kelantan, selepas proses melenggang perut menggunakan kelapa yang telah dikikis sabutnya, kelapa tersebut akan ditebuk pada bahagian tertentu. Sekiranya air kelapa yang keluar memancut, ia ditafsirkan sebagai petanda bahawa bayi yang dikandung ialah lelaki. Sebaliknya, jika air kelapa tersebut keluar secara meleleh, ia dianggap sebagai petunjuk bahawa bayi yang dikandung ialah perempuan (Baharin et al., 2016).

Dari perspektif syarak, amalan ini menjadi bermasalah apabila diyakini sebagai kaedah untuk mengetahui perkara yang tersembunyi atau meramal jantina bayi melalui tanda-tanda mistik. Hal ini kerana al-Quran menegaskan bahawa ilmu yang sempurna tentang apa yang berada dalam rahim adalah milik Allah SWT semata-mata, sebagaimana firman-Nya:

إِنَّ اللَّهَ عِنْدَهُ عِلْمُ السَّاعَةِ وَيُنَزِّلُ الْغَيْثَ وَيَعْلَمُ مَا فِي الْأَرْحَامِ

Maksudnya: “Sesungguhnya di sisi Allah pengetahuan yang tepat tentang hari kiamat. Dan Dia lah jua yang menurunkan hujan, dan yang mengetahui dengan sebenar-benarnya tentang apa yang ada dalam rahim (ibu yang mengandung).”

(Luqman 31:34)

Hal ini berbeza dengan kaedah pemeriksaan perubatan moden seperti ultrabunyi yang tidak termasuk dalam larangan tersebut kerana berasaskan bukti empirikal dan pemerhatian saintifik. Sehubungan itu, amalan menggolekkan kelapa untuk menentukan jantina bayi menjadi bermasalah apabila disertai dengan kepercayaan bahawa ia mampu menyingkap perkara ghaib.

Dalam keadaan sedemikian, amalan tersebut tergolong dalam unsur tilikan dan khurafat yang bertentangan dengan prinsip akidah Islam.

1.2.6 Pendedahan aurat atau perlakuan yang menjatuhkan maruah ibu hamil

Dalam pelaksanaan adat melenggang perut, ibu hamil dikehendaki berbaring secara terlentang bagi memudahkan bidan melakukan sapuan pada bahagian perut. Tambahan pula, proses ini kadangkala berlangsung dalam kehadiran individu lain (Baharin et al., 2016).

Dari perspektif syarak, maruah dan aurat ibu hamil wajib dipelihara pada setiap keadaan. Sebarang bentuk urutan atau pemeriksaan tubuh hanya dibenarkan atas dasar keperluan, dilakukan oleh pihak yang sesuai serta dengan menjaga batas aurat dan aspek keselamatan. Sehubungan itu, pelaksanaan adat melenggang perut yang melibatkan pendedahan aurat tanpa keperluan, menjejaskan maruah ibu hamil, mencabuli privasi atau melibatkan sentuhan yang tidak wajar adalah tidak dapat diterima. Amalan sedemikian tergolong dalam ‘urf fasid kerana bercanggah dengan tuntutan syarak dalam memelihara maruah dan kehormatan manusia.

Jadual 1: Penilaian Syarak Terhadap Amalan Melenggang Perut

Bil.	Aspek Amalan	Penilaian syarak	Kategori ‘urf
1.	Solat hajat dan doa memohon keselamatan ibu serta bayi	Selari dengan tauhid jika memohon kepada Allah dan tidak dianggap wajib khusus pada bulan ketujuh	‘Urf sah
2.	Menempah bidan	Harus sebagai ikhtiar penjagaan pratal dan pascatal	‘Urf sah
3.	Penggunaan bahan tumbuhan sebagai ikhtiar penjagaan fizikal	Harus jika tidak memudaratkan dan tidak diyakini berkuasa ghaib	‘Urf sah bersyarat
4.	Bacaan doa, ayat al-Quran atau ruqyah	Harus jika bebas daripada syirik dan lafaz yang tidak difahami	‘Urf sah
5.	Pemilihan hari atau tarikh tertentu atas kepercayaan tuah dan sial	Termasuk unsur tiarah dan khurafat	‘Urf fasid
7.	Jampi, mantera dan seruan kepada makhluk halus	Boleh membawa kepada syirik	‘Urf fasid
8.	Penggunaan objek sebagai penolak bala atau pelindung ghaib	Khurafat jika diyakini mempunyai kuasa luar biasa	‘Urf fasid
9.	Mandi sintuk limau dan air buyung	Khurafat jika dikaitkan dengan buang sial atau bala	‘Urf fasid
10.	Menggolek kelapa atau telur untuk	Unsur tilikan dan ramalan ghaib	‘Urf fasid

	menentukan jantina bayi		
11.	Pendedahan aurat atau perlakuan yang menjatuhkan maruah ibu hamil	Bercanggah dengan penjagaan maruah dan kehormatan	‘Urf fasid

CADANGAN PEMURNIAN ADAT

Pemurnian adat Melenggang Perut perlu dilaksanakan secara berhikmah dengan mengambil kira kedudukannya sebagai unsur kearifan budaya tempatan masyarakat Melayu, di samping memastikan amalannya selaras dengan prinsip syarak. Pendekatan pemurnian adat menuntut agar sesuatu amalan tidak ditolak secara menyeluruh tanpa penilaian yang sewajarnya. Sebaliknya, unsur-unsur dalam adat perlu dianalisis menurut prinsip syarak untuk menentukan sama ada ia wajar dikekalkan, ditinggalkan atau diubah suai. Pendekatan ini penting bagi memastikan nilai adat yang positif terus dipelihara, sementara elemen yang bertentangan dengan akidah Islam dapat disingkirkan.

Pendidikan akidah perlu diberi penekanan sebagai teras utama dalam proses pemurnian adat ini. Masyarakat sewajarnya difahamkan bahawa keselamatan ibu hamil dan bayi tertakluk sepenuhnya kepada ketentuan Allah SWT, bukannya dipengaruhi oleh mantera, pemilihan waktu tertentu, penggunaan peralatan ritual atau unsur kepercayaan ghaib sebagaimana firman-Nya:

يَدْعُوا مِنْ دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَضُرُّهُمْ وَمَا لَا يَنْفَعُهُمْ ذَلِكَ هُوَ الضَّلَالُ الْبَعِيدُ

Maksudnya: “Ia menyeru dan menyembah makhluk-makhluk yang lain dari Allah, yang tidak dapat membahayakannya dan tidak dapat mendatangkan kebaikan kepadanya; itulah kesesatan yang jauh terpesong.”

(al-Hajj 22:12)

Oleh itu, penggunaan mantera atau jampi yang tidak jelas maknanya sewajarnya digantikan dengan amalan yang berteraskan syariat, termasuk bacaan al-Quran, selawat, doa keselamatan dan ruqyah syar’iyyah. Pendekatan ini membolehkan majlis yang sebelumnya sarat dengan unsur ritual ditransformasikan kepada bentuk amalan yang lebih berteraskan nilai keagamaan.

Di samping itu, penggunaan peralatan yang dikaitkan dengan unsur khurafat seperti kelapa, telur, kain tujuh warna, benang, lilin dan wang pengeras, perlu dielakkan apabila amalan tersebut diasaskan kepada kepercayaan ghaib. Pendekatan yang lebih selari dengan syariat boleh dilaksanakan melalui amalan sedekah, pemberian hadiah kepada ibu hamil, penghargaan kepada bidan atau bantuan kepada golongan memerlukan. Pada masa yang sama, unsur budaya yang membawa nilai positif, termasuk kenduri secara sederhana, ziarah-menziarahi, doa bersama, nasihat kepada ibu hamil dan sokongan institusi keluarga, masih boleh dikekalkan kerana bertepatan dengan konsep ‘urf sahiih.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, adat Melenggang Perut khususnya dalam masyarakat Melayu Kelantan sewajarnya dinilai dan diteliti berdasarkan prinsip syarak samada diterima atau ditolak. Manakala, pemurnian adat ini perlu difahami sebagai usaha memperbaiki dan menyesuaikan amalan budaya agar selaras dengan tuntutan syarak, bukannya menghapuskan warisan masyarakat secara keseluruhan. Unsur yang berteraskan doa, nasihat, sedekah, sokongan keluarga dan ikhtiar penjagaan kesihatan boleh dikekalkan sebagai 'urf sahih, manakala unsur yang mengandungi kepercayaan khurafat, syirik, tilikan, pergantungan kepada objek tertentu serta perlakuan yang menjejaskan maruah ibu hamil perlu ditinggalkan. Dengan panduan syarak serta daripada pakar kesihatan, adat ini berpotensi diteruskan dalam bentuk yang lebih selari dengan akidah dan hukum syarak, di samping terus berfungsi sebagai medium pengukuhan hubungan kekeluargaan dan kesejahteraan masyarakat Melayu.

RUJUKAN

- Al-Qurtubī. (1964). *Al-Jāmi' li aḥkām al-Qur'ān*. Dār al-Kutub al-Miṣriyyah.
- Anis Mardiana Ahmad, Kartini Kassim, Nadiah Nur Syahirah Muhammad, Wan Siti Eisah Che Hussain, & Nur Sa'aidah Ismail. (2015). Adat melenggang perut: Antara adat dan Islam. In *ICOMHAC2015 e-Proceedings* (pp. 597–600). UiTM Cawangan Kedah-INSPIN.
- Baharin Ilias et al. (2016). *Beberapa aspek adat resam Melayu Kelantan*. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Ibn 'Ābidīn. (1907). *Majmū'at rasā'il*. Dār Sa'ādat.
- Ibn Nujaym. (1999). *Al-Ashbāh wa al-naẓā'ir*. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī. (1990). *Al-Ashbāh wa al-naẓā'ir*. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Machita Othman. (1993). Adat melenggang perut di kalangan masyarakat Melayu. *Jurnal Warisan Indera Kayangan*, 5.
- Mohd Zawawi Muhamad. (2005). *Adat menyambut kelahiran bayi dalam masyarakat Islam di Jajahan Tanah Merah Kelantan* [Latihan ilmiah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya].
- Muhammad ibn Ismā'īl al-Bukhārī. (2001). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Dār Ṭawq al-Najāh.
- Muslim ibn al-Ḥajjāj Abū al-Ḥasan al-Qushayrī al-Naysābūrī. (n.d.). *Ṣaḥīḥ Muslim*. Dār Ihya' al-Turāth al-'Arabī.
- Rashidi Othman, 'Ainmunira Khiruddin, Razanah Ramya, Farah Ayuni Mohd Hatta, Wan Syibrah Hanisah Wan Sulaiman, & Nur Hanie Abd Latiff. (2022). An ethnobotanical study of medicinal plants in Malay traditional midwifery as potential Malay garden design elements. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 6(2), 1–10.
- Razanah Ramya, Suhair Kamoona, Farah Ayuni Mohd Hatta, Wan Syibrah Hanisah Wan Sulaiman, Nur Hanie Mohd Latif, Noorizsai Ishak, Nor Hafizana Mat Jusoh, & Rashidi Othman. (2022). Ethnobotanical study of the rituals and plant materials used in the

traditional Malay midwifery practices during the ‘lenggang perut’ ceremony.
International Journal of Chemical and Biochemical Sciences, 21, 148–155.

